



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (102)

SIARAN MEDIA

JEJAK BUDAYA MAH MERI BAWA PESAN SAYANGI LAUT DI MAHA 2026

SERDANG, 30 Ogos 2026 – Warisan masyarakat Mah Meri dari Kampung Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey, Selangor diketengahkan kepada pengunjung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 menerusi program Jejak Budaya Mah Meri bertemakan “Hayaq Leh Laut Hear: Sayangi Laut Kita” di Laman Agrofood Fisheries, hari ini.

Program yang berlangsung sebagai sebahagian daripada pengisian Laman Agrofood Fisheries sempena MAHA 2026 itu dihadiri YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta YBhg. Dato’ Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan.

Jejak Budaya Mah Meri membawa pengunjung mengenali warisan komuniti Mah Meri melalui persembahan Tarian Jo’oh, pertandingan “Gerak Jo’oh”, demonstrasi anyaman, pertandingan “Simfoni Anyaman Marin”, Kuiz Warisan Mah Meri dan jualan kraftangan.

Tarian Jo’oh yang dipersembahkan oleh Kumpulan Seri Panggung menjadi antara tarikan utama program, manakala demonstrasi anyaman menengahkan hasil seni tangan komuniti melalui penghasilan anyaman berbentuk bawal dan belangkas.

Selain persembahan di pentas, pengunjung turut berpeluang melihat hasil kraftangan komuniti Mah Meri dan mendapatkan maklumat mengenai budaya serta kehidupan masyarakat berkenaan menerusi pameran yang disediakan di Laman Agrofood Fisheries.

Pemilihan tema “Hayaq Leh Laut Hear: Sayangi Laut Kita” pula membawa mesej bahawa hubungan dengan laut bukan hanya berkaitan sumber perikanan, tetapi turut berkait dengan kehidupan, budaya dan warisan masyarakat yang bergantung kepada alam sekitar.

Dalam program yang sama, mesej pemuliharaan laut turut dibawa melalui Kempen Hentian Perdagangan Ikan Yu bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan melindungi ikan yu daripada perdagangan haram dan tidak lestari.

Ikan yu memainkan peranan penting dalam ekosistem marin sebagai pemangsa pada aras trofik yang tinggi. Kebanyakan spesies ikan yu mempunyai kadar pertumbuhan yang perlahan dan mengambil masa yang panjang untuk mencapai kematangan, menyebabkan populasinya mengambil tempoh yang lama untuk pulih apabila berdepan tekanan penangkapan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Berdasarkan Malaysia National Plan of Action for the Conservation and Management of Shark 2024–2030 (NPOA Shark Plan 3), sebanyak 65 spesies ikan yu direkodkan di perairan Malaysia.

Kempen tersebut turut menyeru masyarakat supaya tidak membeli produk ikan yu daripada sumber yang tidak jelas serta melaporkan sebarang aktiviti perdagangan yang disyaki melibatkan spesies dilindungi atau produk yang tidak mempunyai dokumen sah kepada pihak berkuasa.

Sebagai tanda sokongan kepada kempen berkenaan, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak turut menandatangani *pledge* Kempen Hentikan Perdagangan Ikan Yu dalam program tersebut.

Majlis turut diserikan dengan tayangan montaj Kampung Orang Asli Sungai Judah serta persembahan penutup oleh Kumpulan Judah Clanz, Sekolah Kebangsaan Sungai Judah (A).

Jejak Budaya Mah Meri di MAHA 2026 memberi ruang kepada masyarakat mengenali warisan komuniti Mah Meri secara lebih dekat, di samping membawa mesej bahawa usaha menjaga laut turut bermula dengan menghargai budaya, pengetahuan dan hubungan masyarakat dengan alam.

-TAMAT-

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/15Y0k0XqMAxawgx-VkzaQPM_XqkqfrWDB

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my